

21 MAY 2003

Pakej-Reaksi (Kesihatan)

KAKITANGAN PERUBATAN BERTERIMA KASIH ATAS PEMBERIAN ELAUN

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Ismail Merican mengucapkan terima kasih di atas pemberian "ganjaran" kepada kakitangan hospital yang mengendalikan kes pesakit Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Katanya, kakitangan hospital termasuk doktor, kakitangan klinikal dan perubatan yang mengendalikan kes-kes SARS di hospital-hospital kerajaan tidak pernah mengharapkan sebarang ganjaran daripada kerajaan tetapi sekadar menjalankan tanggungjawab masing-masing.

"Ganjaran yang diumumkan kerajaan ini suatu yang tidak dijangka ...kita hanya menjalankan tugas sebagai pekerja kesihatan. Apapun duit bukan perkara utama. Bagi kami yang penting ialah pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan kami ini," katanya ketika dihubungi di sini, hari ini.

Menurut Dr Ismail, pihaknya amat berterima kasih kepada Perdana Menteri dan kerajaan yang telah mengiktiraf sumbangan serta tenaga yang disumbangkan kakitangan hospital dalam mengawal penyakit SARS daripada terus merebak di negara ini.

Dalam pakej rangsangan ekonomi bernilai RM7.3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini, ia turut membabitkan pembayaran elaun kritikal bulanan sebanyak RM400 kepada doktor dan RM200 kepada kakitangan perubatan lain yang terlibat dalam pengendalian pesakit SARS.

Pembayaran elaun itu berkuatkuasa mulai 1 April 2003 sehingga wabak itu dibasmikan.

Menurut Dr Ismail, kakitangan hospital termasuk doktor yang mengendalikan kes-kes penyakit SARS di negara ini sememangnya berhadapan dengan risiko yang tinggi memandangkan penyakit itu mudah berjangkit.

Mengulas mengenai peruntukan sebanyak RM200 juta yang diumumkan Perdana Menteri bagi tujuan kebersihan awam di negara ini, beliau berkata peruntukan itu amat penting memandangkan kebanyakan penyakit yang berlaku di negara ini dikesan berpunca daripada keadaan persekitaran yang tidak bersih.

"Penyakit-penyakit berjangkit ini biasanya berlaku di negara-negara membangun dan jarang di negara maju kerana masyarakat di negara itu amat prihatin dengan soal kebersihan," katanya.

Sementara itu Presiden Persatuan Perubatan Malaysian (MMA), Datuk Dr N Athimulam berkata pemberian elaun itu merupakan satu insentif tambahan kepada para doktor dan kakitangan perubatan yang lain dan pastinya ia menaikkan semangat mereka untuk terus berjuang menghapuskan SARS.

-- BERNAMA

RAM AHH ZB